



## 1 PENGENALAN

Badan Ugama Dan Kebajikan MARA (BUKM) ditubuhkan dan didaftarkan pada 22 Julai 1975.

Tujuan tubuh badan ini ialah:

- a. Merapatkan perhubungan muhibbah dan menyatupadukan sekalian pegawai-pegawai dan kakitangan MARA di seluruh negara.
- b. Menggalakkan ahli-ahli Badan ini supaya berperasaan tolong-menolong antara satu sama lain dalam perkara-perkara yang berkenaan dengan pengajaran dan amalan agama Islam, kebajikan, kemalangan, kematian dan lain-lain perkara yang tidak bertentangan dengan agama Islam.
- c. Menggalak dan mengekalkan kerjasama Badan ini dengan pihak MARA dan menyuarakan di atas perkara-perkara yang mendatangkan kebajikan kepada ahli-ahlinya.

Ahli bagi badan ini adalah terbuka kepada semua pegawai dan kakitangan MARA di seluruh negara (tidak termasuk kakitangan projek dan syarikat-syarikat MARA) dan badan ini tidak akan menerima kemasukan menjadi ahli bagi mereka yang berumur lebih daripada 56 tahun. Badan ini hanya menerima mereka yang bergaji bulanan.

BUKM dibahagikan kepada 4 Lujnah/ jawatankuasa kerja:-

### i. LUJNAH TARBIYAH & DAKWAH (TD)

- a. Mengendalikan pengajian agama.
- b. Merancang kursus untuk ahli.
- c. Bekerjasama dengan lujnah lain dalam program khidmat masyarakat seperti program Islamisasi bersama orang asli, anak-anak yatim dan fakir miskin dan sebagainya.
- d. Bekerjasama dengan badan-badan lain dalam program dakwah dan tarbiah seperti Jabatan Agama Islam Negeri, NGO-NGO Islam dan sebagainya.
- e. Program-program bimbingan untuk anak-anak ahli dan anak kakitangan MARA.

### ii. LUJNAH KEBAJIKAN (K)

- a. Mengurus dan menyelaraskan aktiviti kebajikan yang terkandung dalam buku peraturan badan seperti khairat kematian, hadiah pelajaran, sakit dan sebagainya.
- b. Menyalurkan bantuan-bantuan lain yang mana tidak dijelaskan dalam buku peraturan badan yang mana atas budi bicara dan kelulusan exco seperti mangsa tragedi kebakaran, banjir dan peperangan dan sebagainya.

**"BERSAMA MARA MEMBANGUN UMMAH"**

"...WAHAI ORANG-ORANG YANG BERIMAN, PELIHARAKANLAH DIRIMU  
DAN KELUARGAMU DARIPADA NERAKA..." - AT-TAHRIM



**iii. LUJNAH PROMOSI, PERHUBUNGAN & PENERBITAN (3P)**

- a. Merancang aktiviti yang bertujuan menyebarkan maklumat dan menarik minat warga MARA kepada BUKM melalui edaran risalah dan buletin.
- b. Membuat dokumentasi segala aktiviti badan seperti mengambil gambar dan rakaman video.

**iv. LUJNAH HELWA (H)**

- a. Memberi kefahaman asas Islam yang syumul kepada ahli-ahli wanita BUKM (HELWA) khasnya dan semua anggota wanita MARA amnya. Aktiviti dan program (HELWA) yang dijalankan termasuklah Kuliah Jumaat yang memfokuskan ilmu-ilmu tasawuf, aqidah, tafsir dan feqah dengan memanggil penceramah-penceramah jemputan terpilih.
- b. Menggalakkan semua anggota Helwa mendalami dan memperbaiki bacaan Al-Quran melalui kelas-kelas Tajwid yang diadakan di samping menganjurkan kelas-kelas Tadarus Al-Quran di setiap bulan Ramadhan.
- c. Mempelbagaikan program kefahaman Islam antara yang dicadangkan adalah seperti khemah Ibadah, program motivasi keluarga, kursus haji dan umrah, kursus menguruskan jenazah, kem-kem motivasi untuk anak-anak dan sebagainya.

## **2 OBJEKTIF PENUBUHAN BUKM.**

---

1. Mengadakan program kesedaran dan penghayatan untuk ahli dan warga MARA dalam aspek aqidah, ibadah dan akhlak.
2. Menyediakan peruntukan kebajikan untuk membantu ahli badan (BUKM)
3. Melahirkan ahli yang menguasai ilmu dan berketrampilan
4. Meneraju Badan-badan kebajikan yang lain dan menjadi NGO pilihan warga MARA

**"BERSAMA MARA MEMBANGUN UMMAH"**

*"...WAHAI ORANG-ORANG YANG BERIMAN, PELIHARAKANLAH DIRIMU DAN KELUARGAMU DARIPADA NERAKA..." - AT-TAHRIM*